

Malas rosakkan perancangan

Nilai baik, strategi betul dapat atasi masalah dihadapi dalam mencapai kejayaan

Soalan

SAYA berusia 20 tahun dan masih menuntut. Masalah saya, bagaimana untuk merealisasikan semua perkara yang dirancang di samping menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul?

Ini kerana segala masalah yang dihadapi itu akan mengakibatkan matlamat hidup dirancang tidak tercapai.

Saya sudah membuat perancangan tetapi tidak tahu bagaimana mengatasi masalah ketika melaksanakan segala yang dirancang. Salah satu contoh, pelaksanaan untuk azam baru yang mempunyai pelbagai cabaran dan dugaan untuk dicapai.

Bantulah saya Dr. Saya bingung dan berharap mencari jalan penyelesaian.

Jejaka Bingung
Yan, Kedah

Jawapan

MASALAH memang sentiasa wujud dalam kehidupan

tanpa mengira siapa dan masa. Individu yang dapat menukar masalah untuk menguatkan potensi diri sering berjaya dalam kehidupannya.

Mempunyai matlamat atau perancangan dalam hidup amat penting kerana manusia yang tidak bijak merancang dan tidak mempunyai matlamat hidup ibarat kapal terumbang-ambing di tengah lautan.

Matlamat sering gagal direalisasikan disebabkan banyak faktor dan apabila ini berlaku, strategi lain perlu dilakukan. Confucius pernah berkata: "apabila sesuatu matlamat tidak dapat dicapai, ia tidak diubah. Apa yang perlu dilakukan ialah mengubah strategi."

Oleh itu, apabila perancangan gagal dijayakan, ia memerlukan perancangan, penjadualan dan memikirkan semula pendekatan yang digunakan. Matlamat sama ada yang bersifat profesional atau peribadi boleh dicapai

jika strategi yang berseesuaian digunakan.

Dalam merealisasikan apa yang dirancang, adik kena tabah dan tidak berputus asa. Dr akui, bukan mudah menjayakan sesuatu perancangan atau matlamat jika tiada strategi yang betul dan keazaman yang kuat.

Untuk berjaya, perlu beri perhatian kepada keupayaan fizikal dan tenaga adik. Biarlah Dr gunakan contoh 'tidak mahu malas' untuk menunjukkan bagaimana strategi yang betul penting dalam merealisasikan perancangan.

Adik juga perlu fikirkan mengenai ciri personaliti adik. Contohnya, adakah adik seorang yang suka bekerja berseorangan atau dalam kumpulan? Atau waktu manakah adik paling produktif untuk jayakan strategi?

Sekiranya adik seorang yang suka bekerja dalam kumpulan, minta bantuan rakan untuk membantu merealisasikan perancangan

(mengurangkan sifat malas).

Apabila menetapkan matlamat, penting untuk adik bersifat realistik. Dalam mengatasi masalah yang tidak mahu malas, individu boleh bersifat realistik dengan mengatasi masalah malas mengikut peringkat atau secara beransur-ansur berdasarkan kemampuan diri sama ada dari segi kesihatan, minda, keluarga dan kerjaya.

Adik juga perlu fokus dalam mencapai perancangan. Sememangnya dalam kita berusaha mencapai sesuatu yang dirancang, pelbagai masalah pasti wujud. Adik sendiri mengalami perkara ini.

Justeru, apabila ia berlaku, kita perlu bersedia dan menyesuaikan diri terhadap perkara yang tidak dijangka. Jadikan masalah sebagai sum-

ber untuk lebih menguatkan azam untuk berjaya.

Satu lagi perkara penting yang adik perlu beri tumpuan ialah mengetahui mengapa matlamat itu penting. Ini menjadikan adik akan lebih bermotivasi untuk menjayakan sesuatu perancangan. Jangan lupa untuk menghargai diri apabila berjaya mencapai perancangan dalam bentuk yang jelas. Tulis kejayaan yang dicapai walaupun kecil.

Dalam proses merealisasikan perancangan, nilai apa yang berjaya dilakukan dan perbaiki apa yang tidak berjaya. Adik tidak boleh mengalah apabila menghadapi masalah. Ini kerana sesetengah individu akan cepat mengalah apabila berlaku halangan.

Sebaliknya, buat pe-

nyesuaian dan baiki semula penetapan matlamat. Ambil langkah yang lebih kecil. Atasi ketakutan dan dapatkan maklumat yang perlu dan sokongan emosi.

Jangan anggap apabila adik membuat penyesuaian dalam mencapai perancangan, ia menunjukkan kegagalan. Apa yang sudah dilakukan sebelum ini masih lagi boleh membantu dalam merealisasikan perancangan. Gunakannya. Adik kini semakin hampir mencapai matlamat.

Dengan sikap yang tidak mengalah, fokus, lebih bersifat realistik dan strategi yang betul, sesuatu perancangan akan dapat dicapai. Dr doakan adik akan dapat mencapai perancangan hidup dan berjaya merealisasikan azam baru adik itu.

Ibu tinggal puasa demi kerja

Soalan

SAYA mahasiswa tahun akhir di sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) di ibu negara. Saya kini menjalani latihan induksi dan tinggal bersama keluarga di Johor.

Ibu bekerja di Singapura sebagai tukang masak maka-nan Melayu dan majikannya berbangsa Cina. Yang menjadi masalah ialah di tempat ibu bekerja, tidak disediakan tempat menunaikan solat.

Mereka tidak dibenarkan berpuasa untuk mengelak letih, lemah dan tidak punya tenaga untuk bekerja.

Bagaimanapun, ibu enggan berhenti walaupun saya meminta berbuat demikian kerana permissnya bekerja di sana akan tamat dalam dua tahun.

Ibu perlu terus bekerja kerana banyak perkara yang terpaksa ditanggung termasuk kos pembelajaran saya.

Buat pengetahuan Dr, ayah sudah bersara dan hanya ibu yang bekerja untuk menanggung saya. Abang dan kakak membawa haluan sendiri selepas berkahwin.

Apa yang perlu dilakukan kerana saya tidak mahu ibu terus

bekerja dan gagal menunaikan kewajipan kepada agama.

Mahasiswa runsing,
Johor

Jawapan

DR memahami dilema adik. Tindakan itu menunjukkan adik seorang yang prihatin dan menyayangi ibu.

Ibu adik bekerja untuk menyara keluarga. Oleh itu, bukan mudah baginya untuk berhenti kerja. Ini kerana, dia mempunyai tanggungan dan paling penting menyara pembelajaran adik dan keluarga.

Pengorbanan itu sangat besar. Bagaimanapun, sebagai umat Islam, dalam memilih pekerjaan, niat perlu betul.

Kerja yang dipilih perlulah halal dan sah menurut syarak. Mencari kerja yang halal adalah wajib dan melakukan pekerjaan yang mengingkari perintah Allah adalah haram.

Ketiga, pelaksanaan kerja itu perlu betul dan menurut syarak.

Keempat, natijah yang baik. Ertinya hasil pendapatan disalurkan ke jalan yang baik. Keluarga jangan

diabai, zakat ditunaikan serta rajin bersedekah dan yang kelima, tidak mengabaikan ibadat asas seperti solat lima waktu.

Ibu adik masih boleh meneruskan pekerjaannya tetapi perlu tegas dengan majikannya. Dia boleh berbincang dengan majikan mengenai haknya sebagai seorang pekerja Islam.

Ibu juga tidak boleh menjadikan alasan tidak dibenarkan berpuasa dan tidak disediakan tempat sembahyang untuk terus bersetuju dengan majikannya. Ibu juga boleh memikirkan alternatif lain.

Jika ibu berhenti kerja, perlu ada sokongan untuk mencari sumber pendapatan keluarga. Ayah, abang serta kakak adik perlu memainkan peranan dalam menyumbang kepada sumber pendapatan keluarga. Ibu tidak boleh dibiarkan berseorangan dalam menanggung keluarga.

Sokongan serta kerjasama ahli keluarga penting bagi memastikan ibu tidak keserongan dengan konflik ini.